

♥14/08/16-10MST
CNS5576
U GB 14-08 00169 BA653
bah

NEGARA MAJU MESTI BERTINDAK HENTIKAN KEGANASAN SERBIA, KATA PM
Mahathir - Bosnia

ALORSETAR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri', Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara yang begitu kuat mempertahankan demokrasi dan hak asasi manusia harus bertindak sekarang bagi menghentikan keganasan puak Serbia di Bosnia-Herzegovina.

+Jangan tunggu sampai human rights itu terdapat pada orang yang sudah mati,+ katanya kepada pemberita selepas melawat kilang besi Perwaja Steel Sdn Bhd di sini hari ini.

Katanya:+Kalau negara-negara maju tidak sanggup untuk mengambil tindakan terhadap Serbia, ini amat menyedihkan. Dan kalau orang Bosnia tidak dibekalkan dengan senjata, mereka menjadi mangsa, mereka dibunuh.+

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini mengenai seruan Iran supaya diadakan persidangan Menteri Pertahanan semua negara Islam bagi membincangkan bantuan ketenteraan kepada Bosnia.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata jika negara-negara Islam mahu membekalkan senjata kepada orang Bosnia, bekalan senjata itu tidak akan dapat masuk ke negara itu kerana sekatan terhadap Yugoslavia sekarang. --
Lagi

♥14/08/16-17MST
U GB 14-08 00079 BA654
bah

Mahathir - Bosnia 2 (Akhir) Gurun

Beliau menyifatkan keadaannya sebagai amat malang bagi orang Bosnia kerana mereka tidak mempunyai senjata sedangkan tentera Serbia memiliki senjata yang cukup.

Mengenai laporan yang menyebut puak Serbia Bosnia mahu dilihat sebagai pejuang Kristian untuk menyelamatkan Eropah daripada pengaruh Islam, Dr Mahathir berkata: +Saya tak nampak macam mana Muslim boleh dominate (menguasai) mana-mana tempat kerana mereka sesama mereka pun masih lagi berperang+.-- Bernama

♥14/08/16-18MST